

03/08/2002

Melenturkan ekstremisme pendidikan pelbagai aliran

PENENTANGAN 38 persatuan Cina terhadap langkah kerajaan melaksanakan penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC), tidak pun memeranjatkan. Sebagaimana penentangan keras sesetengah pertubuhan terbabit, terutama Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zhong) dan Gabungan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zhong), terhadap idea Sekolah Wawasan dua tahun lalu, alasan di sebalik pendirian mereka juga tidak berbeza. Meskipun ia kini lebih berlapik, bahawa pertubuhan terbabit sependapat dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris, tetapi membantah penggunaan bahasa itu dalam pengajaran Sains dan Matematik, adalah jelas kebimbangan utama mereka berkisar kepada kemungkinan terhakisnya identiti bangsa mereka.

Peningkatan penguasaan bahasa Inggeris yang disasarkan kerajaan sebagai jalan untuk menguasai teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), harus meliputi semua. Tentulah tidak wajar penggunaan bahasa Inggeris bagi dua subjek berkenaan hanya diwajibkan ke atas sekolah kebangsaan manakala SJK Cina dan Tamil dibiarkan menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Sekalipun diakui pada peringkat permulaan ia akan menimbulkan sedikit kepayahan, tahapnya tidak akan berbeza-beza di antara ketiga-tiga sekolah terbabit. Malah, pendedahan bahasa Inggeris bagi Sains dan Matematik seawal persekolahan tahap satu mempunyai kebaikan lebih besar dalam jangka panjang. Daripada ia dilihat secara negatif, manfaatnya tidak harus sama sekali diketepikan.

Keadaannya seolah-olah persatuan pendidikan Cina penuh dengan kesangsian. Apa juga perubahan yang turut membabitkan SJK Cina akan segera menimbulkan tanggapan kononnya ia bertujuan menghakis ciri-ciri sekolah berkenaan. Itulah modal yang dijaja mereka ketika menentang idea Sekolah Wawasan dan kini diulangi gara-gara rasa curiga bahawa ia barangkali langkah mula ke arah mengubah semua sekolah kepada satu aliran. Seperti idea Sekolah Wawasan yang bertujuan mendedahkan generasi muda pelbagai kaum di negara ini kepada semangat perkongsian bagi menyuburkan kehidupan yang harmoni, langkah terbaru memperluaskan penguasaan bahasa Inggeris di semua sekolah dapat mengelak jurang yang terus melebar di antara generasi muda pelbagai kaum.

Apakah yang dibimbangi Dong Zhong, Jiao Zhong dan pertubuhan lain yang sealiran dengan mereka sedangkan penggunaan bahasa Inggeris bagi dua subjek berkenaan tidak akan mengubah sebarang dasar terhadap aliran sekolah Cina? Apakah persatuan itu tidak menyokong usaha untuk memupuk persefahaman dan keharmonian hidup di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini? Sepatutnya, persatuan pendidikan Cina bersikap terbuka dan rasional kerana kerajaan sudah memberi jaminan identiti sekolah dalam semua aliran - SJK Cina dan Tamil tidak terkecuali - akan dikekalkan sebagaimana termaktub dalam Akta Pendidikan.

Berbanding orang Melayu yang sudah banyak memberi laluan dalam pelbagai perkara kerana sikap toleran mereka, pendirian persatuan pendidikan Cina berkenaan memberi gambaran mereka masih tebal dengan semangat perkauman ketika negara menghampiri ulang tahun ke-45 kemerdekaan. Andainya orang Melayu mempamerkan kedegilan serupa tanpa mahu berkompromi dalam sebarang perkara, apakah yang akan terjadi kepada negara ini? Harus ada kewajarannya persatuan berkenaan mengambil iktibar daripada rasa sedih dan terkilan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini dengan masalah

pengasingan kaum di kalangan generasi muda yang semakin serius dan kini pada tahap membimbangkan. Jangan nanti ada yang marah apabila teguran Perdana Menteri bahawa ada puak ekstrem semakin lantang menggalakkan perpisahan antara kaum, sebagai bermaksud kepada Dong Zhong, Jiao Zhong dan selebihnya kerana dilihat cenderung menentang sebarang usaha untuk mendekatkan antara kaum.